

PERIS '21



PERTANDINGAN INOVASI PENSYARAH TVET PERINGKAT KEBANGSAAN 2021

KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR,
GAMBANG, PAHANG DARUL MAKMUR

Anjuran :



29-30 SEPTEMBER 2021



E-BOOK ADOBE ILLUSTRATOR CC 2018 (CREATIVE DESIGN : BANNER)

Sahirda binti Ithnain
Kolej Komuniti Segamat



PENERANGAN INOVASI

(Latarbelakang inovasi/cetusan idea/penyataan masalah)

E-Book Adobe Illustrator CC 2018 (Creative Design:Banner) adalah inisiatif dari pensyarah dalam menggantikan penggunaan buku modul *Adobe Illustrator CC 2018 (Creative Design : Banner) hardcopy* kepada bentuk digital atau *e-book*. *E-Book* ini dibangunkan bertujuan menjadi rujukan kepada pelajar sepenuh masa bagi Kursus SDD 2043 Rekabentuk Portfolio dan juga peserta kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dalam meningkatkan ilmu dan kefahaman dengan lebih mudah dan boleh dicapai walau di manapun dengan hanya menggunakan *smartphone, tablet, komputer dan laptop secara online* melalui *link* dan imbasan *QR Code*. *E-book Adobe Illustrator CC 2018 (Creative Design: Banner)* merangkumi modul secara digital yang berfokus kepada pembangunan salah satu item identiti korporat iaitu *banner*. Selaras dengan perkembangan dunia pendidikan hari ini dalam membangunkan pengajaran dan pembelajaran celik digital seiring dengan gelombang 4IR yang mana kaedah pendidikan dan latihan berteraskan teknologi yang diperolehi secara pantas dan mudah. Selain itu, dengan terhasilnya *E-Book Adobe Illustrator CC 2018 (Creative Design: Banner)* akan memudahkan, mempercepatkan dan menjimatkan masa serta kos percetakan. Secara rasionalnya pembangunan *E-Book Adobe Illustrator CC 2018 (Creative Design: Banner)* dilaksanakan setelah meneliti situasi perkembangan teknologi era 4.0 dan juga fenomena pandemik Covid-19 yang memerlukan pembaharuan dalam penyampaian pendidikan agar lebih mudah, jimat dan menarik, seterusnya mampu *membina idea baru* untuk menghasilkan sesuatu *teknologi baru* atau membaiki kualiti untuk menyelesaikan masalah mengikut keperluan semasa melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

IMPAK INOVASI

(Kelebihan/Potensi pasaran/Sebarluas inovasi)

Hasil dari pembangunan inovasi *E-Book Adobe Illustrator CC 2018 (Creative Design: Banner)* ini dapat menjimatkan kos percetakan, dapat dicapai atau diakses secara online tanpa batasan dengan hanya menggunakan *smartphone, tablet, komputer dan laptop*. Limitasi ruang bagi penyimpanan lebih efisien hanya menyimpan di dalam ruang awan sahaja. Pensyarah, pelajar atau peserta kursus tidak perlu menyediakan ruang penyimpanan untuk buku cetakan. Menjimatkan masa daripada menghasilkan buku secara cetakan. Pensyarah tidak perlu membazirkan masa untuk cetakan buku ataupun menghasilkan buku secara cetakan fotostat. *E-book* memberikan kemudahan kepada pensyarah, pelajar atau peserta kursus untuk membawanya ke merata tempat tanpa beban yang berat, memandangkan ianya adalah data elektronik, saiz dan berat *e-book* ini adalah jauh lebih ringan jika dibandingkan dengan buku cetakan.

Aplikasi *e-book* ini juga sangat menarik berbanding modul *hardcopy* sebelum ini kerana menggunakan teknik *flipping book* yang menarik dan mempunyai *sound effect* seolah-oleh sedang menyelak helaian buku. Boleh digunakan walau pembelajaran dilakukan secara atas talian dan boleh disimpan dalam bentuk *softcopy*. Di samping itu, *e-book* ini juga boleh digunakan secara berterusan dalam tempoh yang panjang dan tidak akan rosak atau hilang selagi link masih aktif.

OBJEKTIF

- Menjadi rujukan kepada pelajar sepenuh masa bagi Kursus SDD 2043 Rekabentuk Portfolio dalam melaksanakan tugas dan projek dan juga digunakan untuk peserta kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam meningkatkan ilmu dan kefahaman dengan lebih mudah dan boleh dicapai walau di manapun dengan hanya menggunakan *smartphone, tablet, komputer dan laptop secara online* melalui *link* dan imbasan *QR Code*.
- Dapat menjimatkan kos percetakan dan mampu mengelakkan pembaziran kertas.
- Menarik perhatian pelajar dalam penggunaan metod atau bahan bantu mengajar yang lebih interaktif

GAMBAR INOVASI

